KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	31.05.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPSM			



WARGA kerja Ryco Hydraulic Sdn. Bhd. yang terlibat menanam pokok bakau bergambar selepas selesai menanam pokok tersebut di Pantai Kampung Sungai Limau Dalam dekat Yan semalam.

1.6 juta pokok bakau ditanam di pesisir pantai

JERAI – Lebih 1.6 juta pokok bakau telah ditanam di negeri ini sejak bermulanya pelaksanaan Program Penanaman Pokok-Pokok Bakau Dan Spesies Berasosiasi di pesisiran pantai negara sejak 2006.

Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Zaimaddin Jamaluddin berkata, penanaman pokok-pokok itu penting dalam menjaga pesisiran pantai daripada ancaman hakisan arus ombak yang kuat selain memelihara ekosistem di beberapa kawasan dalam negeri ini.

"Sejak 2008 hingga sekarang, seluas 300 hektar kawasan di negeri ini telah ditanam dengan 1.6 juta pokok bakau, 16,300 pokok ribu pantai serta 8,200 lain-lain spesies pokok yang sesuai.

"Kawasan seluas 300 hektar itu merangkumi 56 kawasan secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Program Tanaman Pokok di pesisiran Pantai Kampung Sungai Limau Dalam bersama syarikat swasta, Ryco Hydraulic Sdn. Bhd. di sini semalam.

Sebanyak 500 pokok bakau ditanam di persisiran kampung itu hasil kerjasama bersama warga kerja syarikat berkenaan.

"Hari ini saja, 15,000 pokok telah ditanam di sini," ujar Zaimuddin.